

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL
ANUAR BIN WAN AHMAD
[KUALA KANGSAR]**

TARIKH : RABU, 2 APRIL 2014

RUJUKAN : L9 [PR-1321-L59710]

SOALAN :

Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah Kementerian sedar kadar caj meletak kenderaan di Kuala Lumpur adalah tidak seragam dan tidak munasabah. Adakah ianya dikawal selia oleh DBKL dan syarikat-syarikat swasta mengikut kategori-kategori dengan kadar yang boleh diterima pakai oleh pengguna.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kuala Kangsar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedar bahawa kadar caj meletak kenderaan tidak seragam dan tidak munasabah di Kuala Lumpur. Perkara ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemudahcara Perniagaan Bil.1/2013 pada 19 Ogos 2013 yang dipengerusikan oleh Ahli Lembaga Penasihat DBKL dan telah bersetuju agar pemilik atau operator tempat meletak kenderaan persendirian dibenarkan menggunakan kadar caj masing-masing yang telah diluluskan dalam lesen. Cadangan untuk menyeragamkan kadar caj tempat meletak kenderaan persendirian dilihat tidak praktikal memandangkan tahap keselesaan, kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di tempat meletak kenderaan persendirian adalah berbeza-beza.

Umpamanya ada di antara pengusaha-pengusaha Tempat Letak Kereta (TLK) Persendirian menyediakan sensor parking, CCTV, parking khas kepada wanita dan Orang Kurang Upaya (OKU), Pondok bayaran mesin *autopay*, kawalan keselamatan 24 jam, penyediaan speaker bagi membolehkan pelanggan mengutarakan masalah yang dihadapi di petak parking, alat pencegah kebakaran, penyediaan pencahayaan yang terang serta menyediakan perkhidmatan pembersihan tempat letak kereta tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebahagian pemilik atau operator Tempat Letak Kereta (TLK) ini mengenakan kadar caj yang rendah sebagai strategi untuk menarik lebih ramai pengguna manakala sebahagian pula mengenakan caj yang tinggi sebagai langkah untuk menghalang orang ramai daripada menggunakan TLK yang telah dikhususkan untuk penyewa. DBKL juga memberi lebih tumpuan untuk mengawal dan mengambil tindakan ke atas tempat meletak kenderaan persendirian yang beroperasi di kawasan terbuka yang sebahagiannya tidak berlesen dan sering mengenakan caj yang tidak berpatutan terutamanya dalam musim-musim perayaan.

Undang-undang bagi mengawal aktiviti perkhidmatan Tempat Letak Kereta Persendirian adalah tertakluk pada Undang-Undang Kecil (UUK) Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (WP) 1982 .